

03/08/2003

PKPM peralat golongan jahil

Syed Akbar Ali

SETELAH kes Al Maunah Al Sandiwara dan angkara Kumpulan Militan Malaysia, kita sekarang digempar dengan kes Pasukan Khas Persekutuan Malaysia (PKPM) pula apabila 8,000 ahlinya termasuk pegawai kerajaan dan golongan profesional boleh tertipu oleh seorang bekas pencuci kereta bernama Nor Azami Ahmad Gahzlii, 35 tahun.

Penulis pernah duduk di Pantai Hill park di Pantai Dalam sehingga 1998 dan kenal bengkel cuci kereta Noor Azami yang dimulakannya sejak 1996. Pada waktu itu, dia selalu memakai serban dan kopiah putih. Bengkel cuci keretanya yang menduduki tanah TOL menjadi terkenal kerana menawarkan perkhidmatan 24 jam. Ramai orang termasuk penulis gemari perkhidmatannya yang cepat dan memberi layanan baik. Tetapi perniagaan cuci keretanya kemudian mengalami saingan sengit apabila bengkel lain dibuka di kawasan itu. Lagipun jarang sekali orang memerlukan perkhidmatan mencuci kereta 24 jam.

Nor Azami yang pandai bercakap juga menguruskan penjualan kereta terpakai serta "perkhidmatan" menarik balik kereta. Kemudian pada 2002 'Datuk' Nor Azami telah menjemput penduduk Pantai Dalam menghadiri majlis jamuan hari raya di bengkelnya atas nama syarikat Nor Azami Group. Antara ramai orang yang menghadiri majlis jamuannya tiada siapa pun dapat sangka bahawa pangkat "Datuk" itu adalah palsu.

Menurut polis orang yang menjadi ahli PKPM termasuk juga orang kenamaan seperti ahli politik dan ahli perniagaan.

Menurut akhbar, Nor Azami pun menggunakan lebih 20 tangkal kononnya untuk menjadikan dirinya kebal, digeruni dan dihormati orang. Tangkal itu dipakai di leher, lengan dan pinggang dan dibalut dalam kain di pejabatnya.

Tangkal itu adalah syirik dan juga tidak masuk akal. Portugis, Belanda, British, Siam, Jepun semuanya telah mengambil tanah kita dan menjajah negara kita mengikut sesuka hati mereka tanpa dihalang sebarang tangkal. Apakah masih tidak jelas lagi bahawa tangkal itu hanya menjadi modal untuk menipu orang?

Psikologi terlalu ramai orang masih gemari perkara yang ganjil dan pelik sebagai benar. Lagi mustahil dan misteri ceritanya maka lagi senang untuk mempengaruhi psikologi "takut" golongan yang sudah dipengaruhi kepercayaan karut sejak kecil lagi.

Maka orang yang berpelajaran, berpangkat, orang yang kaya, kakitangan awam dan juga ahli pasukan keselamatan semuanya boleh tertipu dengan sepasang pakaian seragam, kad "penguat kuasa" plastik, surat palsu "Jabatan Perdana Menteri" dan 'tangkal' di leher. Mereka juga ditipu dengan janji akan dibayar elaun bulanan dan kuasa untuk menahan orang. Bagi jiwa yang lebih daif, Nor Azami memberi keyakinan akan menjadi Perdana Menteri. Demikianlah seorang pencuci kereta telah eksploitasi psikologi yang masih sarat dengan unsur' pelik dan misteri untuk menipu mereka.

Pada pagi penjenayah Al Maunah dikesan bersembunyi di atas Bukit Jenalik di Sauk, penulis telah meninjau kawasan itu untuk berbual dengan penduduk kampung. Penulis berasa sedih berjumpa penduduk kampung yang simpati dengan penjenayah Al Maunah itu. Mereka percaya Al Maunah mempunyai kebolehan tertentu.

Apabila orang bercakap benar pula mereka boleh dicaci dan dimaki tetapi apabila ditabur perkara yang kolot, mesti ada orang yang sudi mengutipnya.

Jangan kita lupa sewaktu kes Al Maunah pun ada golongan yang menuduhnya sebagai sandiwara. Golongan ini juga pernah menyelak jubah untuk menunjukkan kemaluan tetapi kemudian berkata memakai jubah itu boleh mengelakkan daripada maksiat. Anehnya ramai orang menyokong semua perbuatan karut seperti itu. Yang pelik dan tidak masuk akal diterima sebagai sah dan baik.

Kita juga ingat kumpulan Al Arqam di mana pemimpinnya mendakwa boleh berkomunikasi dengan Nabi. Bagi pengikut yang sudi mengorbankan akal dan juga potongan gaji, mereka dijanji pakej syurga terjamin, satu set bini yang memenuhi kehendak nafsu dan bekalan pakaian seragam hijau untuk seumur hidup. Seperti Nor Azami, pemimpin Arqam juga mendakwa akan menjadi Perdana Menteri. Berpuluh ribu orang telah terjebak mengikuti kumpulan Al Arqam.

Untuk mereka yang percaya toyol duit dan sebagainya pula timbul Pak Man Telo dengan skim cepat kayanya. Akauntan yang berkelulusan daripada luar negara serta pegawai Bank Negara pun percaya bahawa Pak Man Telo boleh menggandakan duit dengan cara ajaib. Akhir sekali Pak Man Telo dan duit skim cepat kaya pula yang ghaib.

Kemudian untuk memenuhi kehendak golongan yang lebih terpelajar timbul pula geng 'pengurus pelaburan Islam' yang berjanji untuk menggandakan duit orang secara ghaib. Mereka mencetak dan mengedarkan buku panduan dan iklan yang menyebut perkataan 'magic compounding' untuk menjual skim penuh berpahala mereka. Anehnya iklan mereka itu tidak pernah dicabar atau disiasat oleh Bank Negara atau pihak yang berkenaan. Syarikat pengurus pelaburan "Islam" itu kepunyaan konco pemimpin politik yang menjadi bintang meteorit pada waktu itu. Tetapi akhir sekali mereka pun bungkus juga dan pengurusnya didakwa di mahkamah.

Apakah sebabnya begitu ramai orang sudi terpedaya begini? Jawapannya terletak kepada kemahuan untuk ditunaikan kehendak dengan cepat ataupun mengikut istilah bahasa Inggerisnya "instant gratification". Ramai orang mahu senang pahala, senang jadi kaya, senang masuk syurga, senang dapat perempuan, senang kalahkan lawan, senang jadi cantik, senang menyelesaikan masalah dan sekarang pula senang cerai isteri.

Maka untuk eksploitasi nafsu yang hendak senang pahala dan senang masuk syurga timbullah geng ulama politik yang janjikan syurga jika mengundi mereka. Kalau dimasukkan sedikit duit dalam tabung, boleh dikira sebagai pahala jihad juga. Kalau nak senang jadi cantik maka tibalah tok guru susuk. Kalau nak senang jauhi maksiat pakailah jubah. Kalau nak senang cerai isteri, maka carilah SMS talak.

Yang mahu senang jadi kaya, buang sial atau lemahkan lawan boleh juga jumpa tok bomoh, tok guru dan sebagainya untuk mendapat tangkal, tongkat, penawar, penarik dan penghalau. Kadang kala termasuk air jampi ataupun yang dipanggil dengan nama air doa. Semuanya dianggap jalan pintas untuk mendapat untung.

Perkara yang berasaskan kebenaran dilempar sahaja ataupun dilempar batu. Perkara yang berasaskan karut marut disokong penuh termasuk oleh mereka yang kononnya ahli dalam agama. Contohnya apabila Muzium Negara mengadakan pameran hantu dan polong yang tidak mempunyai asas saintifik mengikut sebarang cabang ilmu, tidak ada seorang pun yang kononnya ahli agama membantahnya. Semua ini tidak menghasilkan apa pun yang baik kecuali mendaifkan lagi psikologi dan pemikiran umat. Dan umat yang senantiasa takut pasti akan rujuk kepada "pakar" untuk mengatasi ketakutan mereka.

Seperti mana disebut Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pahlawan pun hendak senang jadi syahid oleh itu mereka menjadi pejuang berani mati. Apakah gunanya berani mati jika dua buah negara ia itu Iraq dan Afghanistan sudah hancur dibom dan ditakluk oleh kuasa taghut? Jihad yang lebih besar ialah mencari dan mengamalkan ilmu Allah yang berasaskan

sains dan akal logik yang boleh membebaskan umat kita daripada belunggu golongan taghut. Tetapi jihad yang besar itu memerlukan disiplin dan ilmu yang tinggi yang masih tidak wujud di kalangan umat Islam. Mereka semua suka jalan pintas.

Maha Suci Allah berfirman maksudnya: "Kami telah menunjukkan manusia dua jalan. Tetapi dia tidak menempuh jalan yang mencabar (pendakian). Dan tahukah kamu apa itu pencabaran (pendakian)? Ia itu membebaskan budak hamba, atau memberi makan pada hari kelaparan, kepada anak yatim dan kaum kerabat atau orang miskin yang susah melarat." Surah 90 : 10 - 16.

Umat Islam digesa mengatasi cabaran. Membebaskan orang yang diperhambakan seperti di Palestin, Iraq, Afghanistan dan di merata dunia memerlukan usaha gigih, strategi pintar dan keupayaan yang canggih. Memberi makan kepada orang lain bermaksudnya kita sendiri sudah bebas daripada kelaparan. Kita mesti berkebolehan untuk memenuhi segala keperluan kita dan mempunyai bekalan yang lebih untuk diberi kepada orang lain. Tidak ada jalan pintas yang boleh menidakkan usaha dan penggunaan ilmu.